

## **KERJA KUMPULAN DALAM MENINGKATKAN KEFUNGSIAN PSIKOSOSIAL WARGA EMAS DI INSTITUSI: SUATU PENEROKAAN AWAL**

**Nor Afiza binti Mohd Fuzi<sup>1</sup>**

<sup>1</sup>Rumah Kanak-Kanak Tengku Ampuan Fatimah, Kuantan  
drfizafuzi@gmail.com

### **ABSTRAK**

Kerja kumpulan adalah salah satu daripada kaedah yang digunakan bagi tujuan intervensi kerja sosial. Fungsi kerja kumpulan banyak digunakan dalam bidang kesihatan, kebajikan, pendidikan dan rekreasi. Ia merupakan satu kaedah membantu yang digunakan dalam kumpulan dengan pelbagai tujuan dan terdiri daripada ahli yang berskala luas daripada individu sihat hingga sakit. Kerja sosial kumpulan merupakan aplikasi pengetahuan tentang situasi spesifik. Justeru, objektif kajian kualitatif dengan pendekatan kajian kes ini adalah untuk membuat penilaian awal terhadap aplikasi kerja kumpulan dalam kalangan warga emas di institusi. Pemilihan informan adalah secara bertujuan yang terdiri daripada warga emas di Rumah Seri Kenangan Cheras, pelbagai bangsa, tinggal bersama-sama di Rumah Seri Kenangan dan berumur 60 tahun ke atas. Hasil kajian menunjukkan kerja kumpulan berdasarkan model praktis The Mutual Aid Model dapat membantu warga emas mempunyai dorongan semulajadi untuk lebih sihat, berkembang dan rasa dipunyai. Analisis kajian dibuat berdasarkan kepada fasa-fasa dalam kumpulan melalui aktiviti yang telah dirancang dan melibatkan penggunaan terapi masakan, muzik dan seni (mengarca). Kesimpulannya, hasil penerokaan awal mendapati kerja kumpulan dapat membantu meningkatkan kefungsian psikososial warga emas. Kerja kumpulan dalam praktis kerja kumpulan warga emas seharusnya diberi perhatian dan diperbanyakkan bagi meningkatkan kesejahteraan warga emas di institusi, selari dengan hasrat Malaysia ke arah Succesfull Ageing menjelang 2030. Pembangunan warga emas di institusi boleh dipertingkatkan lagi melalui hasil kajian ini. Diharapkan hasil daripada kajian ini dapat memberikan keberhasilan modul pembangunan warga emas di institusi warga di Jabatan Kebajikan Masyarakat.

**Kata kunci:** Kerja Kumpulan , Pembangunan Warga Emas, The Mutual Aid Model

### **PENDAHULUAN**

Kehidupan manusia sangat bergantung pada interaksi dengan manusia lain. Hampir semua yang dilakukan dalam kehidupan dilaksanakan dalam konteks kumpulan dan interaksi kumpulan. Amalan kerja sosial dengan kumpulan dibentuk atas kesan penting kelompok ke atas individu. Pengasingan mungkin bukan secara fizikal. Kita mengetahui yang seseorang boleh merasa sunyi

di tengah-tengah orang ramai. Anggota keluarga yang tinggal sebumbung kadang-kadang berasa terasing antara satu sama lain. Tiada rasa kesunyian yang lebih menyakitkan daripada yang wujud antara kawan dan orang yang disayangi apabila mereka tidak boleh berkomunikasi. Penyair Mathew Arnold mengabadikan dilema sejagat ini dengan kata-kata:

Aduhai, adakah cinta juga terlalu lemah  
Untuk membuka hati dan membiarkannya berkata-kata?  
Adakah kekasih pun tidak berdaya memberitahu  
Satu sama lain apa sebenarnya dirasakan ?  
Kutahu ramai yang menyembunyikan  
Fikiran mereka,tajut kiranya terbongkar  
Maka mereka dilihat orang lain  
Tanpa diendahkan, atau dengan teguran mencela:  
Kutahu mereka hidup dan bergerak  
Menipu dalam penyamaran, terasing daripada  
Orang lain, dan terasing daripada diri sendiri,-namun  
Masih berdegup satu jantung dalam dada setiap manusia.<sup>1</sup>

Kehidupan warga emas juga memerlukan kehidupan berkumpulan. Kesunyian akan menyebabkan terhalangnya kefungsian psikososial. Mereka tidak akan berkembang secara sejahtera. Emosi mereka akan terjejas dan akan menghalang kefungsian sosial berlaku.

1 O.William Farley, Larry Lorenzo Smith, Scott W.Boyle, Pengantar Kerja Sosial,ITBM

## **PEMBANGUNAN WARGA EMAS**

David Soyer, seorang yang mempunyai pengalaman luas bekerja dengan orang tua memberitahu tentang kegembiraan dan kepuasan yang diperoleh dalam memenuhi keperluan orang yang sedang menghadapi hari-hari tua mereka.

*Bagaikan ada kesucian istimewa ketika bekerja dengan orang tua, khususnya mereka yang sudah mencapai usia produktif. Seseorang tidak boleh mewajarkan kerja ini atas dasar pencegahan jenayah atau membantu membangunkan kekuatan yang tidak digunakan, yang berpotensi menjadi produktif, atau membebaskan orang yang ditindas supaya mereka dapat menangkis pemberontakan musim panas atau mana-mana nilai yang penting. Seseorang mewajarkan kerja ini hanya atas dasar bahawa setiap manusia mempunyai nilai-nilai instrinsik, iaitu makna dan maruah manusia. Dengan itu, kami berbakti kepada banyak klien kami berdasarkan alasan ini semata-mata. Sebab itulah kerja sosial mengambil berat tentang mereka yang tidak lagi dipentingkan oleh masyarakat.*

Apabila seorang bekerja dengan orang muda dan dunia terbentang luas dan dia melihat ke hadapan, dia berusaha bersungguh-sungguh untuk menjadikan kliennya "normal",

menurut apa jua takrif yang dimilikinya bagi konsep ini. Pengalaman bekerja dengan warga emas,perspektifnya berbeza.Kita melihat ke belakang. Tidak wujud lagi impian tentang kemungkinan dalam kehidupan,tetapi renungan suram kepada apa yang sudah menjadi kehidupan. Ada pencarian kepada perkara yang boleh memberikan makna kepada kehidupan. Kadang-kadang perkaranya hebat: kedatangan ke Amerika, mengasaskan kesatuan sekerja atau keluarga. Kadang-kadang perkaranya kecil: ingatan tentang besbol yang tua, kawasan kejiran, atau kawasan desa seperti dahulu, ingatan pahit manis usaha perniagaan dengan harapan menggunung dan pulangan yang kecil.<sup>1</sup>

Pembangunan warga emas merupakan cabaran besar kepada pekerja sosial. Berbeza dengan penjagaan warga emas, konsepnya secara langsung dan hasilnya boleh dilihat dengan cepat. Penjagaan melibatkan pengurusan diri, makan minum dan yang melibatkan penjagaan kesihatan. Namun, apabila berbicara tentang membangunkan warga emas, pengukuran sama ada terbangun atau tidak bukanlah mudah untuk diukur. Pembangunan warga emas di institusi mencakupi kefungsian psikososial di mana melibatkan perkembangan emosi, motivasi dan perkembangan peribadi serta perubahan dalam bagaimana warga emas berhubung dengan orang lain.<sup>2</sup>

<sup>2</sup> O.William Farley, Larry Lorenzo Smith, Scott W.Boyle, Pengantar Kerja Sosial,ITBM

## **KERJA KUMPULAN DI INSTITUSI WARGA EMAS**

Toseland dan Rivas (1998) mendefinisikan kerja kumpulan sebagai ;

“aktiviti bermatlamat yang dilaksanakan terhadap sekumpulan orang untuk memenuhi keperluan sosioemosi dan menyempurnakan tugas yang dipertanggungjawabkan. Aktiviti ini dibentuk khusus untuk individu dalam kumpulan dan kumpulan secara keseluruhan dalam sistem yang memberi perkhidmatan”

Fungsi kerja sosial kumpulan adalah sebahagian daripada fungsi kerja sosial dan bidang di mana ia diperlukan. Fungsi kerja sosial kumpulan meliputi bidang kesihatan, kebajikan, pendidikan dan rekreasi. Ia merupakan satu kaedah membantu yang digunakan dalam kumpulan dengan pelbagai tujuan dan terdiri daripada ahli yang berskala luas daripada sihat hingga sakit. Kerja sosial kumpulan merupakan aplikasi pengetahuan tentang situasi spesifik. Pemilihan informan adalah secara bertujuan yang terdiri daripada warga emas di Rumah Seri Kenangan Cheras, pelbagai bangsa, tinggal bersama-sama di Rumah Seri Kenangan dan berumur 60 tahun ke atas.

### **Fasa Persediaan**

Sebelum kumpulan dibentuk, saya dan rakan sekumpulan telah membuat analisis perbandingan antara kerja kumpulan dengan kanak-kanak atau kerja kumpulan dengan warga emas. Memandangkan kerja kumpulan dalam kerja sosial iaitu di Jabatan

Kebajikan Masyarakat sendiri lebih cenderung kepada kanak-kanak, maka saya berpendapat praktis kerja kumpulan warga emas patut juga diberi perhatian. Memandangkan Malaysia ke arah *Succesfull Ageing* menjelang 2030 maka penambahbaikan dalam pembangunan dan kebajikan warga emas patut dititikberatkan.

Model praktis yang digunakan adalah The Mutual Aid Model. Dalam sistem sosial, individu mempunyai dorongan semulajadi untuk lebih sihat, berkembang dan dipunyai. Begitu juga dengan masyarakat yang sentiasa ingin memperbaiki ahlinya agar lebih produktif dan dinamik, maka kelebihan ini boleh dikongsi bersama. Ia dilihat seperti hubungan simbiosis (Schwartz,1961). Warga emas yang ditempatkan di Rumah Sri Kenangan, Cheras kebanyakannya tidak berkembang, rasa rendah diri serta rasa tidak dipunyai. Struktur kumpulan dibentuk seramai 7 orang.

Saya dan rakan seperjuangan menggunakan sistemnya iaitu Rumah Seri Kenangan Cheras dan berurus dengan Penguasa RSK dan kakitangan yang lain supaya mereka juga akan sedar keperluan warga emas tersebut. Memandangkan di RSK juga difahamkan tiada modul spesifik untuk warga emas, langkah saya dan ahli kumpulan yang lain adalah langkah yang tepat demi pembangunan dan kesejahteraan warga emas. Pembentukan kumpulan adalah bersandarkan pada warga emas yang tinggal di Rumah Seri Kenangan Cheras kerana jarak yang dekat untuk tiga kali pertemuan serta warga emas di situ masih produktif dan masih boleh dibangunkan. Pada peringkat awal pemilihan ahli, terdapat warga emas berusia 90 an dan asyik mengalirkan air mata menceritakan kisah lalu. Saya dan rakan-rakan berpendapat keupayaan beliau untuk melibatkan diri dalam aktiviti kumpulan dibimbingi memudaratkan warga emas berkenaan.

Model yang digunakan dalam membentuk kumpulan adalah Model Timbal-Balas (*Reciprocal Model*) di mana untuk membantu warga emas yang mana hanya boleh difahami dan dibantu dalam hubungannya dengan sistem sebagai contoh Rumah Seri Kenangan di mana warga emas merupakan sebahagian di dalamnya. Pekerja sosial juga berperanan sebagai orang tengah (mediator) atau pemudahcara yang melancarkan perjalanan kelompok. Pekerja sosial perlu memahami perubahan yang berlaku dalam kumpulan. Ini bagi memudahkan pekerja sosial merancang aktiviti bersesuaian dengan peringkat perubahan dalam kumpulan .

Pada pertemuan pertama bersama dengan tujuh orang ahli kumpulan, setiap ahli masih lagi di peringkta ‘preaffiliation’ iaitu ahli masih lagi berbelah bahagi. Masing-masing bertanya kenapa mereka perlu berkumpul. Malah ada yang terus meluahkan perasaan terhadap penguasa baru kerana sudah lama tiada aktiviti untuk penghuni. Pada permulaannya keadaan menjadi sedikit tidak terkawal kerana masing-masing ingin bercerita dan tiada yang ingin menjadi pendengar. Di sini saya cuba memahami dalam Model Garland, Jones dan Koloday (1965) di mana adanya ‘power and control’ iaitu sifat kumpulan mula kelihatan melalui pola komunikasi, pakatan dan sub kumpulan terbentuk.

Selain itu saya ada mengenalpasti ‘differentiation’ iaitu mengenalpasti sifat individu dalam kumpulan.

Pada peringkat awal juga, saya dan rakan-rakan telah menjelaskan kepada ahli kumpulan bahawa apa yang dibincangkan adalah rahsia. Sebagai seorang pekerja sosial, saya patut berpegang teguh kepada etika kerahsiaan klien kecuali yang melibatkan keadaan bahaya dan memudaratkan klien. Saya sedikit tertanya-tanya dalam diri apabila ada seorang warga emas bernama Mokhtar, berusia 70 tahun dan merupakan bekas pegawai bank. Jauh di dalam sanubari saya tertanya-tanya dalam diri mengapakah pakcik ini terdampar di RSK. Saya ada meminta fail kes kepada pihak RSK tetapi saya terlupa bahawa segala fail penghuni adalah sulit untuk didedahkan. Akhirnya saya bertanya sendiri secara berhikmah kepada pakcik Mokhtar dan dia menyatakan bahawa dia memang rela hati tinggal di situ kerana tidak mahu menyusahkan anak-anak. Namun pada matanya, saya dapat merasakan ada sesuatu yang disembunyikan. Sebagai pekerja sosial, saya harus menghormati klien.

Saya dan ahli kumpulan lain memberitahu kepada warga emas yang dipilih bahawa matlamat kumpulan dibuat adalah untuk untuk menjadikan ahli warga emas lebih sihat dan produktif dan kekal hidup ceria dan untuk mengurangkan dementia. Pada peringkat ini, saya cuba memahami masalah dan kebimbangan ahli kumpulan. Ada di kalangan warga emas yang langsung tidak bersuara dan pada bahasa badan, dia kelihatan tidak selesa dalam kumpulan pada peringkat permulaannya. Apabila saya bertanyakan kepada warga emas tersebut, beliau menyatakan tiada apa yang disembunyikan. Saya bertanyakan pada kakitangan RSK dan dimaklumkan dari awal memang beliau seorang yang pendiam. Ada juga seorang warga emas wanita yang asyik menangis kerana tidak dapat mengambil duitnya daripada pihak RSK. Saya juga bertanyakan kepada kakitangan RSK mengenai perkara tersebut dan dimaklumkan bahawa duit tersebut adalah wang saku bulanan sebanyak RM30 sebulan. Wang tersebut telah habis dibelanjakan oleh warga emas tersebut dan beliau tidak ingat.

Pembentukan peraturan @ kontrak kumpulan ada dibuat tetapi bukan secara formal sebaliknya secara lisan sahaja di mana ahli kumpulan harus kekal sepanjang tiga kali pertemuan. Ahli kumpulan juga tidak boleh merendah-rendahkan ahli yang lain. Pembentukan peraturan tidak dinyatakan secara banyak dan rigid memandangkan tahap keupayaan warga emas berbeza dengan golongan lain.

Pada peringkat awal ini juga, saya dan rakan-rakan membimbing perkembangan kumpulan. Saya melihat ada seorang warga emas yang dipanggil Pak Mokhtar selalu membicarakan inginkan aktiviti mananjat bukit. Dia selalu membezakan penguasa baru dan lama. Ada ahli lain yang mengiyakan kenyataan Pak Mokhtar. Adanya penyatuan di sini kerana di peringkat perkenalan mereka sering merendahkan antara satu sama lain. Saya dapat melihat perkembangan positif di sini. Saya dan rakan lain cuba membentuk sikap kekitaan di mana di RSK, semua penghuni adalah keluarga dan perlu bantu membantu.

## Fasa Pertengahan

Dalam fasa pertengahan, pekerja sosial memerlukan persediaan untuk setiap kumpulan. Kumpulan saya dan rakan memilih aktiviti Terapi Masakan, Terapi Muzik dan Terapi Seni. Kami membuat persediaan awal memandangkan tidak banyak modul untuk warga emas. Selain itu pada peringkat pertengahan, yang perlu difahami adalah dinamika kumpulan. Lewin memilih perkataan dinamika kumpulan bagi menggambarkan wujudnya satu proses perhubungan yang kompleks dalam konsep kumpulan dan ahli-ahlinya sendiri. Peranan dinamika kumpulan ialah untuk menerajui ilmu tentang pembentukan kumpulan, pengembangan kumpulan, aplikasi kumpulan dan entity lain. Dinamika kumpulan juga merujuk kepada satu pendekatan kajian saintifik terhadap konsep sesuatu kumpulan.

Kumpulan dibentuk tanpa lantikan ketua secara formal kerana dalam kumpulan ada enam orang yang suka mempengaruhi di antara satu sama lain. Semasa saya dan rakan-rakan menyatakan untuk aktiviti Terapi Masakan, setiap warga emas memberi pandangan dalam usaha untuk mempengaruhi ahli kumpulan yang lain. Ada yang mencadangkan ubi kayu, ada yang mencadangkan bihun sup. Memandangkan penggunaan alatan dan tempat yang terhad, saya dan rakan telah memberi cadangan untuk memasak jemput-jemput. Akhirnya setiap ahli setuju kerana mereka sudah lama tidak makan jemput-jemput.

Warga emas ini juga berkongsi jangkaan mengenai bagaimana ahli kumpulan berkelakuan sepatutnya (Moreland,1990). Mereka sama-sama mengingatkan norma yang perlu dipatuhi adalah makan bersama-sama dalam kumpulan. Ada warga emas yang terpaksa akur dengan ahli lain kerana ingin diterima dan difahami oleh kumpulan (*normative social influence*).

Sepanjang dua aktiviti yang berlaku, cabaran terbesar untuk saya hadapi adalah apabila ada warga emas yang bergaduh. Mereka tidak sefahaman di bilik masing-masing dan memberi tekanan kepada kumpulan. Ada warga emas yang merajuk kerana rakan sebilik memarahinya dan membawa emosi sedih ke sessi terapi. Memang agak mencabar untuk memberikan emosi yang stabil semula kepada warga emas. Memang tidak dapat dinafikan mereka boleh bekerjasama semula kerana adanya *similarity* iaitu semakin banyak persamaan seperti umur, jantina, kemahiran dan sikap makan semakin jelekit (*cohesive*).

Selain itu, terdapat cabaran dalam komunikasi antara mereka. Sebagai contoh cabaran individu iaitu perbezaan individu. Proses interaksi umpama seperti debat apabila ada warga emas yang suka membicarakan perihal masakan, ada yang suka membicarakan perihal mendaki gunung da nada juga yang suka membicarakan perihal membuat telur masin.

Terdapat konflik semasa sesi berlangsung. Saya melihat puncanya adalah personality. Ada seorang warga emas lelaki yang suka bercakap merapu dan berulang-ulang

menyebabkan ahli lain merasa bosan dengannya. Pada waktu ini, saya cuba mengatasi konflik dengan meminta ahli lain memberikan respon berkaitan topik yang sama.

Dalam strategi penyesuaian masalah bagi meleraikan konflik, penggunaan kaedah mediasi melalui kompromi iaitu tidak ada mana-mana pihak yang menang atau kalah kerana setiap orang mempunyai cerita dan pengalaman masing-masing. Pada fasa ini kurangnya sikap kebergantungan dan menilai apa yang akan berlaku.

### **Fasa Akhir**

Fasa akhir atau fasa penamatan adalah bermula dua atau tiga sesi sebelum sesi terakhir. Pekerja sosial akan membantu ahli-ahli berdepan dengan perasaan mereka dalam menghadapi penamatan.

Pada fasa ini, setiap warga emas lebih bersifat terbuka dan bebas dan tiada lagi rasa takut. Seorang warga emas yang berbangsa Cina pada mulanya sedikit tidak selesa dalam kumpulan tetapi di hujungnya dia boleh meluahkan perasaan sedihnya kerana rakan sebiliknya telah pulang ke pangkuhan keluarga dan tiada terasa keseorangan. Ada ahli yang menyatakan seronok dengan aktiviti aktiviti kami kerana sudah lama mereka tidak mempunyai aktiviti seperti ini.

Di peringkat ini, saya dan rakan mengukur pencapaian secara individu mengikut objektif yang dirancang. Saya menyatakan kepada kumpulan bahawa segala cadangan yang diberi akan disalurkan kepada yang berkenaan dan mereka bersetuju kerana mereka inginkan aktiviti yang gembira dan ceria. Aktiviti masakan sebagai contoh ada warga emas yang membawa jemput-jemput ke bilik kerana sudah lama tidak makan jemput jemput di RSK. Ada ahli kumpulan yang tidak bersedia dengan penamatan apabila berkali bertanyakan bila aktiviti ini akan dilakukan lagi.

### **MODUL CAKNA DIRI WARGA EMAS**

Modul ini dibentuk untuk meningkatkan kefungsian warga emas di institusi. Modul ini boleh dilaksanakan oleh Pekerja Sosial kepada warga emas yang berada di institusi serta pusat jagaan warga emas. Modul ini mudah untuk diaplikasi dan dihasilkan melalui konsep ADD iaitu *assessment,design and develop*. Objektif modul ini adalah untuk merangsang perkembangan kognitif warga emas, meningkatkan pengetahuan dan kemahiran warga emas berhubung kesihatan mental serta mengukuhkan perkembangan emosi yang gembira. Modul ini bermatlamat kepada penuaan aktif. Modul ini terbahagi kepada tiga (3) peringkat seperti di bawah:



Menurut Erikson, pada peringkat akhir dewasa akan mengalami tahap intergriti lawan putus asa iaitu kemampuan perkembangan warga emas mengatasi krisis psikososialnya. Peringkat ini terjadi selama masa akhir dewasa (60 tahun) iaitu golongan warga emas. Dalam fasa ini warga emas cenderung melakukan cerminan diri terhadap masa lalu. Banyak stereotaip positif dan negatif yang mampu mempengaruhi keperibadian warga emas. Hal ini dapat dilihat dengan jelas pada hubungan sosial dan produktivitinya. Fasa ini merupakan kemuncak perkembangan iaitu berkaitan dengan kejayaan hidup berkeluarga dan kerjaya mereka yang akan menimbulkan kepuasan dalam diri. Integriti penting dalam menghadapi kehidupan dengan rasa kepuasan dan bahagia. Terdapat sebanyak lima (5) aktiviti, unit yang telah dilaksanakan dalam modul ini seperti berikut:



#### **Unit 1: Ice Breaking**

NamaAktiviti	KenaliAku
Objektif	Warga Emas dapat mengenali antara satu sama lain
Kaedah	LDK

pelaksanaan	
Keperluan material	
Tempoh masa	20 minit
Catatan	Fasilitator perlu peka pada bahasa badan warga emas supaya tiada yang kehilangan <i>mood</i>

### **Unit 2: Pembangunan Kognitif**

NamaAktiviti	TerapiMasakan
Objektif	Mempertingkatkan kefungsian kognitif warga emas
Kaedahpelaksanaan	LDK
Keperluan material	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Peralatan dapur – Kuali, sudip, sudu, besen kecil, pisau, pinggan, cawan</li> <li>2. Dapu rmemasak dan gas</li> <li>3. Bahan makanan kering - Tepung gandum, pisang, ikanbilis, bawang, garam, gula, serbukteh</li> <li>4. Kain lap tangan, pencuci pinggan, span pencuci pinggan</li> </ol>
Tempoh masa	30 minit
Catatan	Fasilitator perlu bijak di dalam mengatur dan memberikan tugas kepada setiap warga emas yang terlibat agar mereka sendiri rela untuk melaksanakan tugas tersebut. Sangat baik jika fasilitator bertanyakan sendiri kepada warga emas apa tugas yang mereka suka dan mahu buat

### **Unit 3: Pembangunan Motor Kasar&Motor Halus**

NamaAktiviti	Terapi Seni(Plasticine/ Tanah Liat)
Objektif	Merangsang perkembangan motor kasardan motor halus
Kaedahpelaksanaan	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Fasilitator mengedarkan peralatan kepada semua peserta</li> <li>2. Fasilitator memberikan penerangan tentang aktiviti</li> <li>3. Peserta menjalankan aktiviti seperti arahan fasilitator</li> <li>4. Fasilitator membimbing peserta sepanjang aktiviti dan</li> </ol>

	<p>mengingatkan tentang tempoh masa.</p> <p>5. Setelah tamat tempoh masa, fasilitator meminta setiap peserta untuk memberikan penerangan ringkas tentang apa yang dihasilkan oleh mereka dan mengapa mereka memilih bentuk tersebut sehingga selesai</p> <p>6. Fasiliator akan mengutip hasil tadi</p>
Keperluan material	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Plasticine/tanahliat</li><li>2. Kertas lukisan/ A4/ A3</li></ol>
Tempohmasa	20 minit
Catatan	Fasilitator perlu peka kepada tahap kemampuan warga emas.

#### **Unit 4: Pembangunan Emosi**

NamaAktiviti	Terapi Muzik
Objektif	Merangsang perkembangan emosi
Kaedah pelaksanaan	LDK
Keperluan material	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Komputer riba</li><li>2. MP3 lagu</li></ol>
Tempohmasa	20 minit
Catatan	Fasilitator perlu peka kepada tahap keupayaan warga emas dan jenis muzik yang dipilih

- Unit 5: Refleksi**

NamaAktiviti	GetaranJiwa
Objektif	Mengetahui respon emosi di kalangan warga emas tentang aktiviti.
Kaedahpelaksanaan	LDK
Keperluan material	

Tempohmasa	20 minit
Catatan	Pastikan tidak terlalu lama tempoh masa.

## RUMUSAN

Kesimpulannya, hasil penerokaan awal mendapati kerja kumpulan dapat membantu meningkatkan kefungsian psikososial warga emas. Kerja kumpulan dalam praktis kerja kumpulan warga emas seharusnya diberi perhatian dan diperbanyakkan bagi meningkatkan kesejahteraan warga emas di institusi, selari dengan hasrat Malaysia ke arah Succesfull Ageing menjelang 2030. Pembangunan warga emas di institusi boleh dipertingkatkan lagi melalui hasil kajian ini. Diharapkan hasil daripada kajian ini dapat memberikan keberhasilan modul pembangunan warga emas di institusi warga di Jabatan Kebajikan Masyarakat.

## RUJUKAN

1. Zastrow, Charles. *Social Work with Groups*, Edisi ke-2.Chicago: Nelson-Hall Publishers, 1992.
2. O.William Farley, Larry Lorenzo Smith, Scott W.Boyle, Pengantar Kerja Sosial,ITBM
3. Toseland, Ronald W., dan Robert F. Rivas.*An Introduction to Group Work Practice*, Edisi ke-3, Boston :Allyn & Bacon,1998.
4. Jabatan Kebajikan Masyarakat (2010). Dasar dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara. Kuala Lumpur: Jabatan Kebajikan Masyarakat.